Tempat Duduk: ___________ Angka Giliran: ____________

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**
**Sidang 1988/89**

**Mac/April 1989**

**<u>HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Malaysia</u>**

**Masa: [3 jam]**

---

**Kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS(11) soalan dalam LAPAN(8) muka surat.**

**ARAHAN**

- Jawab **<u>SEMUA</u>** soalan.
- Bahagian A jawab dalam ruang yang telah disediakan.
- Bahagian B jawab dalam kertas jawapan peperiksaan.
- Ceraikan Bahagian A dan hantar bersama kertas jawapan.
- Gunakan helaian **<u>baru</u>** bagi **<u>setiap</u>** soalan.

**BAHAGIAN A**

1. Berikan **<u>ciri penyebutan</u>** bagi setiap bunyi berikut.

(a) [f] ____________ ____________ ____________ ____________

(b) [c] ____________ ____________ ____________ ____________

(c) [r] ____________ ____________ ____________ ____________

(d) [x] ____________ ____________ ____________ ____________

(8 markah)

.../2

Angka Giliran: ____________

2. Transkripsikan perkataan di bawah dalam **lambang fonetik** (berdasarkan sebutan yang baku).

(a) mahameru ____________________

(b) keringat ____________________

(c) khusyuk ____________________

(d) meraikan ____________________

(e) naungan ____________________

(f) peka ____________________

(g) taklimat ____________________

(h) terkehel ____________________

Angka Giliran: ____________

3. Terdapat perbezaan dalam penghasilan bunyi [n] dan [t].

(a) Nyatakan **DUA(2)** perbezaan tersebut.

(b) Pilih **SALAH SATU** daripada bunyi tersebut dan **perlihatkan cara penyebutannya** melalui gambarajah (Gambarajah tidak perlu dilabelkan).

(5 markah)

Angka Giliran: _____________

4. Tuliskan **rumus struktur frasa** dan perlihatkan melalui **rajah pohon** ayat di bawah.

Pelajar itu bersenam di tengah padang petang semalam.

(a) Rumus struktur frasa

b) Raja Pohon

Angka Giliran: _____________

(b) Rajah pohon

(20 markah)

Angka Giliran: _____________

5. Telitikan baik-baik ayat di bawah. Berikan DUA(2) makna yang berbeza dan tunjukkan **setiap makna** tersebut melalui Analisis Unsur Terdekat.

Adik minum air dalam tempayan.

(a) Makna (1):

Analisis Unsur Terdekat:

(b) Makna (2):

Analisis Unsur Terdekat:

(7 markah)

**BAHAGIAN B**

6. Melalui tulisannya di dalam buku **Language: A Modern Synthesis (1927)** tentang perkembangan bahasa, Prof. Joshua Whatmough berpendapat,

   "Perkembangan satu-satu bahasa selalunya bererti penyekatan atau penekanan kepada bahasa lain."

   Kaitkan pendapat beliau dengan perkembangan bahasa Melayu semasa zaman penjajahan.

   **(7 markah)**

7. Berdasarkan pemahaman anda tentang bidang fonetik dan fonemik, jelaskan secara ringkas:

   (a) **TIGA(3)** ciri perbezaan dua bidang tersebut.

   (b) **TIGA(3)** kegunaan kedua-dua bidang itu dalam kehidupan sehari-hari.

   **(6 markah)**

8. Apakah hubungan 'tempoh kritikal' dengan proses pemerolehan bahasa oleh kanak-kanak?

   **(10 markah)**

9. Huraikan penggunaan perkataan berikut di dalam situasi masyarakat negara kita.

   perempuan

   gadis

   wanita

   betina

   **(8 markah)**

10. Berikan pandangan anda tentang pernyataan bahawa

(a) sebutan baku menyekat penggunaan dialek.

(b) sebutan baku mengganggu kelancaran berkomunikasi.

Jawab **SAMA ADA** (a) **ATAU** (b).

(5 markah)

11. Jelaskan **secara ringkas** dan **tepat** **EMPAT(4)** daripada soalan berikut.

(a) morfofonem

(b) bahasa egosentrik

(c) sinkronik-diakronik

(d) komuniti bahasa

(e) dialek sosial

(f) daerah Wernicke

(16 markah)

-oooOOOooo-